

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR & JARINGAN KOMUNITI (HEP)

MEMO

KEPADA : SISWA/SISWI UNISEL, KAMPUS BESTARI JAYA.
DARIPADA : DEKAN HEP.
Tarikh : 16 NOVEMBER 2016.

PENERANGAN BERKAITAN SKIM PERUBATAN PELAJAR UNISEL (SPPU) BAGI SISWA/WI UNISEL KAMPUS BESTARI JAYA.

SPPU adalah skim kemudahan **rawatan pesakit luar** menerusi klinik panel yang dilantik oleh UNISEL. Skim ini adalah sama digunakan untuk Siswa/Siswi di Kampus Shah Alam.

Mulai 16 November 2016, Siswa/Siswi boleh mendapatkan rawatan di klinik tersebut:

Sai Poliklinik (Dr. Romel Rauf Al-Abbas) No. 3 Taman Sri Berjantai, 45600, Bestari Jaya. No. Tel: 03 - 3271 9998	Klinik Dr. Rosli (Dr. Zaini bin Kanchil) No.12, Jalan Berjantai 1, Pusat Perniagaan Btg Berjantai. No. Tel : 03 - 3271 7961	Klinik Medivaron (Dr. Kamalanathan Munisamy) No. 12-G, Jalan Aman Suria 1, Taman Aman Suria. No. Tel : 019 - 200 3130
---	--	--

Berikut adalah ringkasan kaedah Siswa/Siswi mendapatkan rawatan di klinik berkaitan.

- Buat pendaftaran dengan menunjuk **kad matrik**.
- Klinik akan semak dan pengesahan nama pelajar di sistem e-klinik.
- Pelajar buat **bayaran RM 3.00**.
- Dapatkan rawatan, ubat-ubatan & sijil MC (jika berkaitan).
- **Kos maksimum** rawatan adalah **RM 35.00** bagi seorang pelajar, setiap kali rawatan.
- Pada dasarnya semua klinik bersetuju dengan kos maksimum rawatan tersebut untuk rawatan yang diklasifikasi *GP (General Practice)*. Namun dalam situasi tertentu, jika kos rawatan melebihi RM 35.00, **pelajar perlu membayar sendiri lebih kos tersebut**.

Pelajar **perlu mengurus sendiri** untuk mendapatkan rawatan seperti kaedah di atas.

Perkhidmatan van UNISEL hanya untuk kes kesihatan bagi penghuni Kolej Kediaman. Waktu perkhidmatan adalah **pada 9.30 pagi dan 8.00 malam setiap hari**. Tempat menunggu adalah di Pos Pengawal Siswi.

Maklumat lanjut dan brosur perkara berkaitan, boleh layari *Student Portal* di bahagian *News & Announcement*. Sebarang pertanyaan dialukan menulis email ke alamat nr_hep@unisel.edu.my


DEKAN HEP

